

063 PEMIKIRAN HAMKA TENTANG PERKAHWINAN MONOGAMI DAN RELEVANNYA TERHADAP PENJAGAAN HAK KANAK-KANAK: KAJIAN TAFSIR AL-AZHAR

Zaidul Amin Suffian Ahmad, Zainuddin Che Seman, Abdul Azis Awang Kechik

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

ABSTRAK

Pernikahan adalah salah satu asas kehidupan yang paling utama dalam pergaulan masyarakat yang sempurna. Kehidupan berkeluarga sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran adalah untuk mencapai *sakinah* dan memelihara hak-hak individu terutamanya kanak-kanak. Kertas kerja ini akan membincangkan pandangan HAMKA berkenaan penjagaan hak kanak-kanak melalui perkahwinan dari sudut penerimaan dan penolakan monogami dan poligami. Ini adalah kerana kestabilan pernikahan sangat berhubung kait dengan perkembangan emosi dan psikologi pendidikan kanak-kanak. Kajian ini mendapati HAMKA cenderung menyokong monogami berbanding poligami bagi mengelakkan pengabaian hak kanak-kanak. Pendekatan yang digunakan bagi mengumpul data ialah melalui kajian literatur dan analisis dokumen dari tafsir al-Azhar karya HAMKA.

PENGENALAN

Keadilan merupakan prinsip terpenting yang menunjangi ajaran Islam. Kaum Muslimin dituntut untuk berlaku adil kepada dirinya sendiri dan terhadap entiti-entiti lain seperti anggota masyarakatnya, flora, fauna termasuklah kosmologi yang melingkungi kehidupan mereka. Adalah penting untuk memahami bahawa 'keadilan' di sisi Islam bukan bermaksud untuk menyamaratakan hak dan layanan antara setiap entiti berkenaan, atau komponen-komponen dalam sesuatu entiti, akan tetapi merujuk kepada hak dan layanan yang tepat dan sesuai mengikut kedudukan dan keutamaannya di sisi Islam.

Ini dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993:76-77): *“The concept of justice in Islam does not only refer to relational situations of harmony and equilibrium existing between one person and another, or between the society and the state, or between the ruler and the ruled, or between the king and his subjects, but far more profoundly and fundamentally so it refers in a primary way to the harmonious and right-balanced relationship existing between the man and his self, and in a secondary way only to such as exists between him and another or others, between him and his fellow men and ruler and king and state and society”*.

Mengambil kira dari pengertian keadilan yang sedemikian, serta tuntutan dasar Islam supaya manusia berlaku adil terhadap diri, serta kehidupan yang melingkunginya, kertas kerja ini ingin menarik perhatian terhadap soal perhubungan sesama manusia, khususnya perhubungan antara gender dalam sistem perkahwinan

dan kekeluargaan Islam. Untuk itu, perbincangan akan tertumpu kepada soal poligami dan monogami yang merupakan antara praktik perkahwinan dan kekeluargaan yang pada amnya dan dari segi hukum fiqh dihalalkan Islam. Pemilihan fokus ini mengambil kira kontroversi berterusan yang dilihat menyelubungi topik tentang poligami di sisi Islam.

Pada masa kini, kontroversi dilihat berlegar tentang pelaksanaan poligami yang dikatakan membuka ruang terhadap berlakunya penindasan dan ketidakadilan gender. Tanggapan seumpama ini juga dilihat mendorong kepada perbincangan tentang soal kerelevanan poligami sebagai satu praktik perkahwinan dan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Islam dewasa ini (Zariat:2008). Amina Wadud umpamanya berpendapat bahawa hukum Fiqh yang membenarkan lelaki Islam berpoligami adalah lanjutan daripada dominasi tafsiran ulama lelaki pada zaman lampau. Justeru, Hussain (1999: 84) menyeru supaya hukum terhadap poligami pada zaman moden ini ditafsir semula dengan memberikan suara yang secukupnya kepada golongan ulama wanita, sebagaimana yang jelas pada kesimpulannya: *...rationale given for polygamy not only has no sanction in the Qur'an, but is clearly un-Qur'anic as it attempts to sanction men's unbridled lust...*

Adalah relevan untuk dinyatakan bahawa polemik yang hampir sama juga tidak terkecuali melanda Malaysia, sebuah negara yang selain majoriti penduduknya beragama Islam, juga mewarisi susur galur sejarah, peradaban dan kebudayaan yang bertunjangkan Islam (Al-Attas 1972). Pada hari ini, telah timbul usaha beberapa pihak di Malaysia seperti pertubuhan yang dikenali sebagai *Sisters in Islam* (SIS) yang dilihat cenderung mencabar autoriti tafsiran konvensional tentang poligami, antaranya dengan mengemukakan dapatan-dapatan kajian yang memberikan gambaran tentang kelemahan poligami dan diajukan sebagai antara punca berlakunya kezaliman serta penindasan terhadap kaum wanita Islam. Sesungguhnya, pandangan seumpama ini menimbulkan persoalan yang penting untuk ditangani secara serius, kerana Islam di satu pihak dikatakan menjunjung keadilan sebagai satu prinsip dasarnya, seperti yang telah dinyatakan lebih awal, tetapi di pihak yang lain menghalalkan satu praktik perkahwinan yang dianggap oleh sesetengah pihak hanya menguntungkan satu gender dan merugikan satu gender yang lain.

Poligami Dalam Masyarakat

Poligami atau lebih dikenali sebagai poligini dalam kajian Antropologi adalah amalan yang bukan asing di kalangan masyarakat dahulu mahupun sekarang. Kedua-dua bentuk perkahwinan poliandri dan poligini masih diamalkan oleh masyarakat di dunia. Bagaimanapun perkahwinan poligini di kalangan masyarakat dikatakan mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu untuk tujuan ekonomi, politik, demografi dan sosio-budaya (Azizah Kassim:1985).

Fungsi-fungsi ini memainkan peranan yang penting terutamanya dalam masyarakat pra industri. Umpamanya bagi fungsi ekonomi dan politik, masyarakat akan menjadikan perkahwinan poligini sebagai sesuatu yang boleh menambahkan pendapatan ekonomi keluarga. Ini berlaku kerana isteri-isteri akan dijadikan sebagai tenaga kerja untuk menambahkan pendapatan. Perkahwinan poligini berdasarkan kepada fungsi ini tidak berasaskan kepada perasaan kasih dan sayang. Kerana itu tidak timbul perasaan-perasaan negatif seperti hasad dengki dan cemburu di kalangan

isteri-isteri. Bukan setakat itu sahaja, poligini juga berfungsi untuk menaikkan imej dan prestij seseorang pemimpin atau ketua kaum. Ini bermakna dalam masyarakat dahulu, poligini adalah lambang kekayaan, kemegahan dan kekuatan seseorang kerana mampu memiliki ramai isteri (Raihanah:1997).

Bagaimanapun perkahwinan lebih dari seorang isteri ini juga dinyatakan di dalam al-Quran Surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud: *“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba- hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”*.

Dengan turunnya Surah al-Nisa' ayat 3 ini, maka al-Quran dengan terang dan jelasnya telah meletakkan satu peraturan untuk berpoligini (poligami). Poligami tidak lagi dibenarkan secara sewenang-wenangnya tanpa batasan dan syarat-syarat tertentu iaitu dengan berkahwin seberapa ramai isteri yang dikehendaki samada untuk tujuan ekonomi mahupun politik sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Jahiliyyah. Bagaimanapun al-Quran tidak mengharamkan amalan berkahwin lebih dari seorang isteri kerana poligami mempunyai kebaikan dan kemaslahatan dalam masyarakat terutamanya dalam menyelesaikan beberapa perkara. Pengubahsuaian ini bagi kebanyakan penulis yang melihat dari sudut persejarahannya berpendapat bahawa al-Quran melalui Surah al-Nisa' ayat 3 telah memperbaiki kedudukan wanita Islam dibandingkan dengan amalan poligami sebelum itu. Ini bermakna poligami dalam Islam hanya dihadkan kepada empat orang sekaligus dan keadilan menjadi elemen yang penting dalam amalan tersebut.

Al-Quran tidak menyebut secara terang apakah fungsi poligami yang dibenarkan. Sebaliknya melalui sabab nuzul ayat ini menunjukkan bahawa ayat tersebut bertujuan untuk meratai keadilan dalam masyarakat iaitu dengan membela anak-anak yatim atau menjaga kepentingan wanita-wanita yang kehilangan suami ketika peperangan Uhud (Al-Jassas:1985). Al-Quran nampaknya membenarkan perkahwinan poligami dengan alasan untuk memenuhi keperluan, mengatasi masalah dan menjaga kepentingan individu lain dan bukannya atas dasar memenuhi kepentingan sendiri.

Bukan setakat itu sahaja, Rasulullah s.a.w mula berpoligami setelah kematian isteri pertamanya Khadijah binti Khuwailid. Kalau dilihat pada perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan isteri-isterinya kesemuanya adalah untuk menjaga kepentingan orang lain dari kepentingan sendiri. Umpamanya perkahwinan baginda dengan Saudah binti Zam'ah isteri pertamanya setelah beberapa tahun kematian Khadijah adalah atas dasar politik iaitu untuk menyelamatkan Saudah yang kematian suaminya dari diseksa oleh kaumnya sendiri. Begitu juga perkahwinannya dengan Juwairiyyah anak kepada ketua kaum Bani Mustaliq bertujuan untuk memberhentikan perseteruan mereka dengan orang-orang Islam. Manakala perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy adalah atas arahan Allah s.w.t yang juga bertujuan untuk menyelesaikan masalah hukum anak angkat. Begitu juga perkahwinannya dengan Hafsa binti Umar bertujuan untuk menjaga nama baik Saidina Umar dan Hafsa sendiri.

Bagaimanapun perkahwinannya dengan Ummu Salamah seorang janda yang telah lanjut usia adalah atas dasar peri kemanusiaan dan menjaga kepentingan Ummu Salamah. Satu-satunya perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan anak gadis adalah dengan Aisyah yang juga bertujuan untuk merapatkan hubungan persaudaraan dan persahabatan antaranya dengan Saidina Abu Bakar bapa kepada Aisyah. Tujuan poligami dalam al-Quran surah keempat ayat ketiga mestilah atas sebab-sebab yang mulia di sisi Islam sesuaiilah dengan kehidupan poligami yang telah diamalkan Rasulullah s.a.w.

Bagaimanapun dalam penulisan-penulisan fiqh, tidak terdapat perbincangan tentang sebab-sebab keharusan poligami dalam Islam. Perbincangan hanyalah berkisar kepada soal-soal hukum yang berkaitan dengan poligami. Sebaliknya dalam penulisan yang agak terkemudian dari itu, maka beberapa sebab-sebab yang dibenarkan oleh Islam untuk berpoligami telah disenaraikan. Antara sebab-sebab yang dinyatakan dalam penulisan-penulisan tersebut adalah bilangan wanita melebihi lelaki, mengelakkan dari berlaku perzinaan, isteri mandul, isteri sakit, bermusafir ke tempat lain kerana berniaga dan juga kerana kekuatan nafsu kaum lelaki. Sebab-sebab yang dinyatakan ini adalah bagi memenuhi fungsi demografi, sosio-budaya dan kehendak seksual. Ini menunjukkan keperluan poligami dalam satu-satu masyarakat, sedangkan sebab-sebab ini tidak dinyatakan baik di dalam al-Quran mahupun di dalam hadis. Bahkan kalau ditinjau tentang dalil-dalil yang berkaitan tentang poligami terutamanya dalam hadis, banyak yang berkisar tentang keadilan dalam berpoligami. Kerana itu keharusan berpoligami biarlah benar-benar dapat memenuhi 'spesifikasi' yang ditetapkan oleh al-Quran dan hadis agar poligami yang diamalkan itu tidak akan menyeleweng dari apa yang telah dinyatakan oleh al-Quran dan hadis (Raihanah:1997).

Monogami dan Pengabaian Hak Kanak-kanak

Ketika menafsirkan ayat ketiga dari surah al-Nisa' HAMKA menyatakan:
“Dengan ujung ayat ini kita mendapat kejelasan, bahwasanya yang lebih aman dan terlepas dari ketakutan tidak akan adil hanyalah beristeri satu. Kalau kita beristeri satu saja, lebih hampirlah kita kepada ketenteraman. Tidak akan bising dan pusing oleh mempertanggungjawabkan beberapa perempuan yang membawa kehendak mereka sendiri-sendiri. Padahal masing-masing meminta supaya dia diperhatikan. Dan minta pula disamakan. Soal itu sajalah yang akan memusingkan kepala setiap hari. Lebih-lebih kalau masing-masing diberi pula anugerah banyak anak oleh Allah. Kalau diri kaya mungkin semua anak itu dapat diasuh dengan baik, tetapi kalau awak miskin, takut kalau-kalau semua anak itu tidak akan sempurna pendidikannya. Lebih memusingkan lagi kalau tiap-tiap anak menurut yang ditanamkan oleh ibunya. Sehingga anak yang datang dari satu ayah menjadi bermusuhan. Kita artikan *an la ta'ulu* dengan agar kamu terhindar dari kesewenang-wenangan. Sewenang-wenang artinya sudah bertindak menurut kehendak sendiri saja, tidak peduli lagi, masa bodoh. Ini lebih celaka!”.

Dari tafsiran ini dapatlah difahami bahawa HAMKA mendahulukan monogami dari poligami dalam perkahwinan. Ini adalah kerana menurut beliau, apabila beristeri lebih dari satu memungkinkan akan berlaku ketidakadilan sama ada

terhadap isteri dan anak-anak yang lahir dari setiap isteri. Tambahan pula sekiranya suami tadi tidak mempunyai tahap kewangan yang kukuh bagi menampung keluarganya yang ramai, ini akan mengakibatkan pengabaian dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Isu pengabaian kanak-kanak ada kalanya tidak dilihat sebagai satu kesalahan oleh masyarakat, sebaliknya dianggap sesuatu yang 'biasa'. Sedangkan kadar kes pengabaian adalah lebih tinggi berbanding dengan kategori penderaan yang lain. Sebagai contoh di Amerika Syarikat, dianggarkan lebih 900000 orang kanak-kanak didera atau diabaikan pada tahun 2001 dan 60% daripada mereka merupakan mangsa pengabaian (Jal Zabdi:2010).

Penderaan dan Pengabaian Hak Kanak-kanak

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mendefinisikan penderaan kanak-kanak sebagai semua bentuk penderaan sama ada fizikal, emosi, seksual, pengabaian, penganiayaan, layanan yang cuai atau pengeksploitation yang menyebabkan kecederaan atau menjejaskan kesihatan, kehidupan, perkembangan atau maruah kanak-kanak itu yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai tanggungjawab, amanah atau kuasa terhadap kanak-kanak berkenaan.

Pengabaian pula didefinisikan sebagai ketinggalan untuk memelihara atau lain-lain tingkah laku yang mewujudkan ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Menurut Kathleen Malley-Morrison dan Denise A.Hines, pengabaian adalah kegagalan untuk memenuhi *standard of care* yang ditetapkan oleh masyarakat mengenai penjagaan kanak-kanak (Luzker, J.R:1998).

Ini bermakna, penderaan dan pengabaian kanak-kanak merupakan perbuatan atau ketinggalan yang disengajakan oleh mereka yang bertanggungjawab untuk memelihara kanak-kanak berkenaan. Sungguhpun demikian, definisi penderaan atau pengabaian yang dibincangkan bukanlah berbentuk universal. Kajian terdahulu mendapati, tafsiran perbuatan atau ketinggalan yang terjumlah kepada penderaan atau pengabaian kanak-kanak turut dipengaruhi oleh budaya, nilai dan tahap ekonomi sesuatu masyarakat. Keadaan ini menyebabkan definisi penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang digunakan di sesebuah negara adalah berbeza jika dibandingkan dengan negara lain (Jal Zabdi:2010).

Antara bentuk-bentuk pengabaian ialah:

- a. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk menyediakan kemudahan perubatan atau dengan sengaja melengah-lengahkan untuk mendapatkan rawatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
- b. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan mereka tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti berbentuk jenayah.
- c. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk melindungi kanak-kanak di bawah jagaan mereka daripada objek-objek berbahaya yang terdapat dalam rumah termasuklah bermain dengan api, air dan peralatan elektrik.
- d. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk menjaga kebersihan rumah hingga mendedahkan kanak-kanak di bawah jagaan mereka kepada bahaya akibat makanan yang tercemar.

- e. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk menyediakan pakaian yang bersih serta menjaga kebersihan diri kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
- f. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga untuk menyediakan makanan yang mencukupi dan berterusan kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
- g. Kegagalan ibu, bapa atau penjaga menggunakan kanak-kanak di bawah jagaan mereka sebagai pengemis atau penjaja barangan.

Teori Penderaan dan Pengabaian Hak Kanak-kanak

Menurut Deborah Daro dan Anne Cohn Donnelly telah mengklasifikasikan punca penderaan kepada empat teori iaitu psikodinamik, pembelajaran, persekitaran dan ekologi. Teori ini disokong oleh Blair Justice dan Rita Justice, cuma berbeza pada teori keempat adalah teori biososial.

Pada peringkat awal tumpuan diberikan kepada teori psikodinamik iaitu perbuatan mendera dan mengabaikan kanak-kanak akibat masalah personaliti ibu atau bapa mereka. Teori pembelajaran kemudiannya diperkenalkan dan mendapati kekurangan pengetahuan mengenai peranan ibu atau bapa sama ada dari segi kemahiran sosial ataupun perkembangan kanak-kanak juga menyumbang kepada berlakunya penderaan dan pengabaian. Dalam teori pembelajaran, seseorang itu dikatakan belajar mengenai kehidupan termasuklah tingkah laku yang ganas daripada keadaan sekeliling, pengalaman hidup, amalan serta tingkah laku ahli keluarga atau rakan-rakan mereka.

Teori pembelajaran ini juga dibuktikan kesahannya, apabila dikenal pasti ibu atau bapa yang pernah didera semasa kecil cenderung untuk melakukan perkara yang sama terhadap anak mereka. Di samping itu, kejadian keganasan rumah tangga yang berlaku dalam rumah juga mempunyai impak jika disaksikan oleh kanak-kanak kerana mereka akan beranggapan perbuatan memukul orang yang berada di bawah tanggungan adalah sesuatu yang biasa dan dibenarkan. Pendapat ini turut disokong oleh Cindy L. Miller dan Robin D. Perin.

Teori persekitaran kemudiannya diperkenalkan dengan menjadikan tekanan di sekeliling sebagai asas teori penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Berdasarkan teori ini, factor-faktor sekeliling kanak-kanak dan keluarga tersebut seperti kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah dan tekanan di tempat kerja merupakan antara punca berlaku penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Sebagai contoh, migrasi ekonomi daripada kawasan luar bandar ke bandar juga akan menjejaskan sikap ibu, bapa atau penjaga. Ini kerana tugas ibu, bapa atau penjaga menjadi semakin berat. Sekiranya pada zaman dahulu, hanya bapa sahaja yang berperanan mencari rezeki, tetapi pada masa kini adalah menjadi perkara biasa sekiranya kedua-dua ibu dan bapa bekerja bagi menampung perbelanjaan keluarga. Justeru itu, terdapat kebarangkalian ibu atau bapa berhadapan dengan pelbagai jenis tekanan di sama ada di rumah ataupun di tempat kerja. Kajian terdahulu menunjukkan kes penderaan terhadap kanak-kanak meningkat apabila kadar tekanan dalam kalangan ibu, bapa atau penjaga meningkat.

Menurut David G.Gil, kejadian penderaan dan pengabaian kanak-kanak disebabkan oleh sistem sosial yang berada di sekeliling manusia termasuklah falsafah sosial, kepentingan nilai dalam masyarakat, kualiti dalam hubungan manusia dan definisi sosial hak kanak-kanak. Di samping itu, factor kesesuaian, keserasian dan kesihatan kanak-kanak juga dikatakan menjadi punca berlakunya kejadian penderaan dan pengabaian.

Mengikut teori biososial, isu kesesuaian dan keserasian antara ahli keluarga dengan kanak-kanak juga dipengaruhi oleh factor kesihatan mangsa. Sebagai contoh, kajian mendapati kanak-kanak yang cacat dan sering sakit, adakalanya menerima layanan buruk daripada ibu atau bapa mereka. Manakala kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri yang ekstrem seperti terlalu cergas, garang atau sukar dikawal akan mempunyai risiko yang tinggi untuk menjadi mangsa penderaan. Di samping itu terdapat kes yang menunjukkan bapa mengambil kesempatan terhadap anak yang cacat untuk memuaskan nafsunya. Sebagai contoh dalam kes *Public Prosecutor v Yap Koon Mong*, seorang bapa telah mengaku bersalah merogol anak perempuannya yang mengalami kecacatan fizikal. Pada masa kejadian mangsa beumur sembilan tahun (Jal Zabdi:2010).

Menyedari hakikat penderaan dan pengabaian kanak-kanak disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perhubungan kanak-kanak dengan orang dewasa, keganasan dalam keluarga, hubungan keluarga dengan masyarakat secara keseluruhan dan budaya yang membenarkan perlakuan penderaan dan pengabaian kanak-kanak maka perlunya perkara ini diambil perhatian agar hak kanak-kanak ini dapat dijaga dan dilaksanakan.

Kesan Penderaan dan Pengabaian Hak Kanak-kanak

Pembentukan keperibadian seseorang adalah dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran ayat ke 8 hingga ke 10 Surah al-Shams yang bermaksud:

Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya.

Dalam ayat ini telah dijelaskan tentang proses pembentukan keperibadian manusia dipengaruhi oleh elemen-elemen ilham, sama ada ia menuju kepada jalan yang baik mahupun yang buruk. Namun manusia dibekalkan dengan akal untuk memilih jalan mana yang harus diikuti. Pengaruh-pengaruh jalan kebaikan dan kefasikan ini pada hakikatnya merupakan pengaruh-pengaruh yang wujud daripada persekitaran dalam kehidupan seseorang. Rasulullah saw juga telah menghuraikan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menjelaskan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul dalam kehidupan sehariannya kerana pergaulan tersebut akan memberi kesan terhadap keperibadiannya.

Manusia itu secara semulajadi bersifat meniru di mana seseorang itu boleh memperoleh kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seseorang yang lain

sama ada secara sedar ataupun tidak. Menurut al-Na'imy (1994), manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Imam al-Ghazali juga turut menekankan faktor pembelajaran sosial iaitu pergaulan dengan orang-orang yang soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang (Muhamad Abul Quasem 1975).

Hassan (1987) berpendapat, persekitaran mampu memberi kesan terhadap penghayatan nilai akhlak seseorang. Menurut beliau, penghayatan nilai akhlak merupakan peringkat akhir dari proses pengakuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial yang menggabungkan asas-asas pembelajaran sosial seperti rangsangan, tindak balas, peneguhan, kepatuhan, identifikasi, permodelan dan tiruan. Proses ini selanjutnya memerlukan kewujudan faktor-faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman dan dalaman seperti kepuasan diri dan keinginan untuk dilihat benar. Ibn Khaldun (2002) juga menjelaskan, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia.

Dari perspektif sarjana Barat, Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Pengaruh persekitaran ini mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, manusia tidak semestinya terkongkong dengan keputusan itu. Manusia mempunyai keupayaan memahami keputusan yang telah mereka buat dan menggantikannya dengan keputusan yang baru yang lebih sesuai dengan diri mereka dan persekitaran mereka pada masa itu. Tetapi dalam banyak keadaan, manusia selalunya tidak mempunyai keupayaan memilih dan hanya segelintir sahaja yang mempunyai kesedaran membuat pilihan sendiri.

Pandangan HAMKA Tentang Monogami dan Penjagaan Hak Kanak-kanak.

Ketika menafsirkan akhir ayat ketiga dari Surah Al-Nisa' "*An La Ta'ulu*", HAMKA mengertikan "Agar kamu terhindar dari kesewenang-wenangan. Sewenang-wenang ertinya sudah bertindak menurut kehendak sendiri sahaja, tidak peduli lagi, masa bodoh. Ini lebih celaka!"

Seterusnya HAMKA membawa pandangan Imam Syafi'e: "Begitulah yang lebih memungkinkan kamu terhindar dari banyak tanggungan". Ertinya beristeri banyak, tiap-tiap isteri melahirkan banyak anak padahal awk melarat. Kesudahannya selama hidup ditimpa susah oleh sebab memelihara anak-anak yang wajib diasuh.

HAMKA kemudiannya menyatakan nasihat gurunya tentang poligami: "Seorang antara guruku yang beristeri lebih dari seorang, pernah memberi nasihat kepadaku waktu aku masih muda: "Cukuplah isterimu satu itu sahaja wahai Abdul Malik! Aku telah beristeri dua. Kesukarannya baru aku rasai setelah terjadi. Aku tidak bias mundur lagi. Risiko ini akan aku pikul terus sampai salah seorang dari kami bertiga meninggal dunia. Aku tidak akan menceraikan salah seorang antara

mereka berdua kerana kesalahan mereka tidak ada. Anakku dengan mereka berdua banyak, tetapi aku siang malam menderita batin, kerana ada satu hal yang tidak dapat aku pelihara, iaitu keadilan hati. Bagi orang lain hal ini mudah sahaja. Kalau tidak senang kepada salah satu, cari sahaja sebab yang kecil lalu lepaskan, maka terlepaslah diri dari beban berat. Kalau kejadian demikian, kita telah meremuk-redamkan hati seorang ibu yang ditelantarkan. Janganlah beristeri lebih dari satu hanya dijadikan semacam percubaan, sebab kita berhadapan dengan seorang manusia, jenis perempuan. Hal ini menjadi sulit bagiku kerana aku adalah aku, kerana aku adalah gurumu dan guru orang banyak. Aku lemah dalam hal ini wahai Abdul Malik. Aku ingin engkau bahagia! Aku ingin engkau jangan membuat kesulitan bagi dirimu. Peganglah ayat tuhan “*Dzalika Adna An La Ta’ulu*”. Nasihat beliau ini Alhamdulillah dapat aku pegang hingga sekarang”.

HAMKA berpegang dan melaksanakan nasihat gurunya agar kekal bermonogami kerana melihat kepada kesulitan dalam menegakkan dan memelihara keadilan. Keadilan ini turut merangkumi hak kanak-kanak yang mana mereka sangat-sangat memerlukan perhatian dan ajaran dari bapa mereka. Ini boleh dilihat dari sejarah kehidupan HAMKA yang kekal beristeri satu sehingga isterinya meninggal dunia. HAMKA bernikah ketika berusia 19 tahun dengan Hajjah Siti Raham Rasul berusia 16 tahun. Usia pernikahan mereka melebihi 50 tahun dan mereka dikurniakan 12 orang anak. Pada tahun 1971, isterinya meninggal dunia kerana diabetes, enam tahun kemudian barulah HAMKA bernikah lagi dengan Hajjah Siti Chadijah (Irfan Hamka:2013). Melihat kepada anaknya yang ramai, HAMKA memilih untuk memberi perhatian kepada anak-anaknya dalam soal pendidikan dan penjagaan hak anak-anaknya agar mereka tidak terabai.

Timbul persoalan mengapa tidak dilarang terus atau keras poligami ini? Dijawab oleh HAMKA: “Memang begitulah kebijaksanaan al-Quran kerana Islam itu bukanlah semata-mata mengatur ibadat, kepentingan tiap-tiap peribadi dengan Allah sahaja, tetapi juga memikirkan dan mengatur masyarakat. Betapa pun kerasnya peraturan, namun kalau peraturan itu tidak sesuai dengan keadaan masyarakat yang sebenarnya, tidak sesuai dengan jiwa orang, peraturan itu pasti akan dilanggar orang juga. Misalnya kalau Islam melarang keras poligami, pelanggaran pasti terjadi. Adalah satu kehinaan dan jatuh gengsi bagi satu pemerintahan yang undang-undangnya tidak ditaati orang, apatah lagi peraturan agama!

Kemajuan penyelidikan ahli-ahli telah menunjukkan betapa hebatnya pengaruh syahwat atas diri manusia yang oleh Freud dinamai “*libido*” atau disebut “*sex*”.

Allah memberikan syahwat bersetubuh kepada manusia, kita bicarakan dengan khusus terlebih dahulu mengenai lelaki. Guna syahwat itu ialah untuk mengekalkan keturunan. Salah satu guna agama ialah untuk mengatur dan mensahkan keturunan itu yang tidak akan ada kalau tidak ada persetubuhan. Seorang anak mesti terang ayahnya. Sedangkan di negeri Komunis yang tidak mempercayai tuhan, pernikahan juga diatur supaya terang siapa ayahnya. Memandang melepaskan syahwat sebagai minuman seteguk air oleh kaum Komunis sendiri pun dipandang tidak wajar lagi. Hidup berumah tangga yang baik masih lebih mereka puji daripada hidup luntang-lantung.

Lelaki dengan syahwat yang diberikan Tuhan kepadanya, yang gunanya untuk menyambung keturunan itu, hatinya pasti terngiur melihat perempuan cantik. Sebab

Allah pun mentakdirkan adanya daya tarikan syahwat pada perempuan yang dinamai *sex appeal*. Untuk menyalurkan syahwat itu agama membolehkan nikah. Maka tiap-tiap lelaki melihat dan terngiur kepada perempuan cantik yang terlebih dahulu dijelaskan Tuhan kepadanya, ialah bahawa dia boleh meminang perempuan itu dan menikahnya. Walaupun sampai empat orang dia tertarik perempuan cantik, agama selalu mengatakan boleh! Tetapi kerana manusia itu ada akal, disuruh dia mempergunakan akal, sebab syahwat adalah gejala gelora seks. Sedang berpikir, membawa ketenangan. Boleh engkau menikah, boleh sampai dengan empat. Tetapi kalau engkau merasa takut tidak akan adil, lebih baik satu sahaja, supaya aman tidak banyak pusing. Akhirnya setelah dia berpikir, satu jugalah yang jadi. Itupun kalau syahwatnya masih juga bergelora, pintu selalu tidak tertutup, selalu boleh tetapi syarat itu selalu pula disuruh fikirkan iaitu adil.

Inilah Islam! Berbeza dengan agama lain yang memandang bahawa perisetubuhan adalah dosa. Hidup yang lebih bersih adalah tidak menikah sama sekali, tetapi jiwa dan syahwat manusia tidak diperhatikan sama sekali. Oleh sebab itu, menurut keterangan Freud sendiri dan beberapa ahli ilmu jiwa yang lain, tekanan jiwa yang terutama sekali pada pemuda-pemuda Kristian, lelaki dan perempuan ialah soal perisetubuhan ini. Dari mula kecil telah dididik membencinya. Dari mula kecil telah dipujikan bahawa hidup yang lebih suci adalah tidak bernikah. Sejak dari kecil pula telah diberikan didikan bahawa beristeri lebih dari satu adalah jahat.

Orang Islam yang mengerti agamanya Insya Allah tidak akan ditimpa oleh “kompensasi” jiwa yang demikian. Walaupun dia telah beristeri dan memang dianjurkan selalu oleh Islam supaya setia dan cinta mencintai kedua pihak, namun sekali-sekali syahwatnya akan timbul juga waktu melihat perempuan lain. Pada saat itu juga peraturan agama yang diterimanya sebagai didikan sejak kecil telah memberi peluang kepadanya: “Kalau engkau tertarik kepada perempuan itu, engkau boleh menikah lagi. Tiap dia melihat yang cantik, dalam hatinya terus ada kata: “Engkau boleh menikahi dia!”. Syahwatnya dibawa kepada saluran yang wajar, yang lebih dahulu didengar oleh batinnya bukanlah larangan tetapi kebolehan. Tetapi kerana soal nikah adalah soal tanggungjawab, soal nafkah, soal anak dan keturunan, dia pasti berfikir. Kalau sudah berfikir, lebih banyak tidak jadi. Namun satu “krisis” dalam jiwa sudah dapat dihilangkan.

HAMKA kemudiannya menyatakan: “Di sini sudah dapat disimpulkan bahawasanya beristeri satu adalah cita-cita yang luhur tinggi dan murni (ideal). Memang itulah yang kita tuju. Kita berdoa moga-moga peribadi kita dapat mencapainya dengan tidak menutup mata betapa hebatnya perjuangan batin tiap-tiap lelaki yang beristeri satu orang itu, terutama pada zaman mudanya, sebab dia terjadi dari darah daging. Maka orang-orang yang memegang teguh ajaran Islam dan mengerti filsafatnya, tidaklah pernah merasa ada satu peraturan yang menghalanginya menikah lagi. Tetapi setelah dibawanya berfikir tentang keadilan, tentang tanggungan mendidik anak dan segala risikonya, tidaklah jadi dia menikah lagi, sampai akhirnya hari tua ditempuhnya dengan selamat, sampai menyaksikan anak-anak yang telah dewasa dan sampai tembilang penggali kuburlah yang memisahkannya dengan isteri yang satu itu.

KESIMPULAN

HAMKA secara dasarnya sama sekali tidak menentang poligami sebagai hukum Allah yang perlu diikuti pada masa-masa tertentu beserta dengan syarat-syaratnya. Beliau cuma mengutarakan pandangan peribadinya yang lebih cenderung kepada bermonogami kerana melihat kepada kesulitan dan risiko dalam menjaga dan memelihara hak anak-anaknya. Sejak anak-anaknya masih kecil beliau adalah yang mendidik dan mengajar mereka ilmu-ilmu Islam kerana beliau percaya didikan ibubapa dari dalam rumah lebih memberi kesan dalam pembentukan peribadi anak-anak. Hal ini sukar dicapai sekiranya beliau mengamalkan poligami.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1999), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.10. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.
- Al-Jassas. 1985. *Ahkam al-Quran*, J.2, Dar al-Ihya al-Turath al-Arabiy: Beirut.
- Azizah Kassim. 1985. *Wanita dan Masyarakat*, Utusan Publications & Distributors: Kuala Lumpur.
- HAMKA (1984), *Tafsir Al-Azhar*, j. 1-3, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- HAMKA (1984), *Tafsir Al-Azhar*, j. 18-21, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- HAMKA (1984), *Tafsir Al-Azhar*, j. 4-6, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- HAMKA (2002), *Hak Asasi Manusia Dalam Islam & Deklarasi PBB*, c. Pertama. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- HAMKA (2009), *Kenang-kenangan Hidup*, c. Pertama. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Irfan Hamka. 2013. *Ayah*. Republika Penerbit: Jakarta.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2010. *Jenayah Penderaan Kanak-kanak*. Penerbitan Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Luzker, J.R. 1998. *Child Abuse and Neglect: Behavioural, Research, Treatment and Theory, 3 Aggression and Violent Behaviour*.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Poligami dan Gender dalam Tok Guru karya Shahnnon Ahmad dan Pujangga Melayu karya Mohd. Affandi Hassan Polygami. Akademika 74*.
- Raihanah Haji Abdullah. 1997. *Poligami di Malaysia*. Jurnal Syariah vol. 5.
- Rashid Reda. 1984. Mukhtasar Tafsir al-Mannar, J.2, al -Maktab al -Islamiy: Beirut.

